

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

95 peratus doktor, jururawat sifatkan sistem kesihatan dalam krisis: Kaji selidik

Kuala Lumpur: Sejumlah 95 peratus daripada 1,652 kakitangan kesihatan meliputi jururawat serta doktor kerajaan yang menjadi responden satu tinjauan, menyifatkan sistem kesihatan awam negara kini berdepan krisis.

Malah, 73 peratus daripada mereka, sedang mempertimbangkan cadangan untuk meletakkan jawatan.

Hasil tinjauan yang diterbitkan laman web berita kesihatan CodeBlue, mendapati hanya dua peratus daripada keseluruhan responden itu tidak bersetuju sistem kesihatan awam menghadapi krisis, manakala dua peratus lagi tidak pasti.

Dapatan tinjauan itu juga mendapati 53 peratus daripada responden yang sebahagiannya merupakan golongan profesional,

bersetuju dengan status 'sangat marah' terhadap situasi semasa sistem kesihatan awam, mengikut skala sifar hingga empat.

Berhubung permasalahan dihadapi ketika berkhidmat pula, sebanyak 83 peratus responden berasakan kerajaan bersikap remeh dalam menangani isu sistem kesihatan awam.

Nasional 3

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Perlu ada semakan supaya paras gaji lebih berpatutan dan sesuai peningkatan kos sara hidup kerana kos sara hidup yang tinggi memberi kesan langsung pada kecukupan pendapatan

Dr Laily Paim,
Pakar sikap kepenggunaan UPM



Tindakan memaksa majikan menaikkan gaji sukar dilaksanakan, khususnya ketika ekonomi negara masih dalam fasa pemulihan, selain faktor luar kawalan seperti perang di Ukraine

Dr Mohamad Fazli Sabri,
Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM

Ramai tertekan, luah hasrat berhenti

Dari Muka 1

Sejumlah 80 peratus responden pula bersetuju bahawa mereka tidak dibayar dengan gaji setimpal, manakala 78 peratus menyatakan bebanan kerja mereka terlalu berat.

Soal selidik dalam talian dijalankan secara eksklusif itu juga mendapati sebanyak 74 peratus responden berasakan diri sedang menghadapi tekanan atau 'burnout' (lesu upaya), bahkan 61 peratus berpandangan perkembangan kerjaya mereka dalam sektor kesihatan awam negara adalah tidak terjamin.

Lebih kritikal lagi, terdapat pernyataan sebanyak 25 peratus responden mengaku mereka dibuli di tempat kerja, manakala dua peratus pula mengalami gangguan seksual di

tempat kerja.

Bukan itu saja, menurut hasil tinjauan berkenaan, sebanyak 73 peratus daripada doktor kerajaan (merentasi tahap kekananan), pegawai farmasi, pegawai pergigian, jururawat, penolong pegawai perubatan dan pekerja penjagaan kesihatan bersekutu, mempertimbang untuk meletak jawatan dalam sektor kesihatan awam di Malaysia.

Malah, lebih separuh daripada mereka bersetuju akan mengambil bahagian sekiranya ada pihak menganjurkan mogok atau hartal untuk ahli profesional atau pekerja kesihatan dalam sektor awam, sementara hanya 14 peratus menyatakan tidak bersetuju.

Menariknya, CodeBlue mendedahkan, hampir dua pertiga mereka yang mengambil bahagian

dalam tinjauan itu adalah kumpulan pegawai perubatan membabitkan sebanyak 64 peratus, diikuti pegawai perubatan siswazah (11 peratus), pakar perubatan (11 peratus), pegawai perubatan (11 peratus), pegawai farmasi (11 peratus), pegawai perubatan subpakar (tiga peratus), penolong pegawai perubatan (dua peratus), pegawai pergigian (dua peratus) dan jururawat (satu peratus).

Kebanyakan yang terbabit juga adalah petugas yang berkhidmat di hospital bawah Kementerian Kesihatan (KKM) iaitu sebanyak 77 peratus, manakala 16 peratus di klinik kesihatan dan lima peratus lagi di hospital mengajar.

Dari segi jantina yang mengambil bahagian dalam tinjauan ketidakpuasan hati itu pula, 53 peratus adalah wanita dan 40 peratus lagi lelaki, dengan separuh

daripada 1,652 itu berumur 30 hingga 39 tahun.

Selangor paling tertekan

Dalam perkembangan sama, tinjauan itu turut mendapati 'kakitangan kesihatan di Selangor paling tinggi menyatakan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan kesihatan negara membabitkan 25 peratus, diikuti Kuala Lumpur (15 peratus), Sabah (sembilan peratus), Pulau Pinang (sembilan peratus) dan Perak (enam peratus).

Selain itu, Johor (lima peratus), Negeri Sembilan (lima peratus), Pahang (tiga peratus), Kedah (tiga peratus), Melaka (tiga peratus), Terengganu (tiga peratus), Kelantan (dua peratus), Putrajaya (dua peratus), Perlis (0.4 peratus) serta Labuan (0.1 peratus).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Hapuskan stigma kusta bantu pesakit jalani hidup normal

• Terdapat stigma dan diskriminasi mengelilingi individu terjejas penyakit kusta, situasi ini bertambah teruk kerana sesetengah negara masih mempunyai undang-undang membenarkan diskriminasi terhadap penyakit kusta

• Penyakit kusta boleh diubati dan jika dirawat lebih awal, mereka yang terjejas boleh terus bekerja dan menjalani kehidupan aktif semasa dan selepas rawatan



Oleh Dr Norana Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Hari Kusta Sedunia (WLD) disambut semenjak 1954 dan diraikan setiap tahun pada Ahad terakhir Januari. Tahun ini, ia jatuh pada 29 Januari 2023, dan bertema 'Bertindak Sekarang: Tamatkan Kusta'.

Penyelidik Tamu,
Universiti Perdana,
Kuala Lumpur

Kita meraikan Hari Kusta Sedunia untuk meningkatkan kesedaran ramai yang mempercayai ia penyakit tidak wujud lagi. Ia membolehkan kita merayakan kehidupan orang terjejas, meningkatkan kesedaran tanda dan gejala kusta serta menangani stigma dan diskriminasi mengelilingi penyakit ini.

Kusta atau Penyakit Hansen, adalah penyakit kronik berjangkit disebabkan kuman *bacillus Mycobacterium leprae*. Ia salah satu penyakit tropika diabaikan (*neglected tropical disease*) dan memberi kesan kepada masyarakat miskin di negara mempunyai sumber terhad.

Kebanyakan mereka yang terjejas tinggal di kawasan perumahan miskin, sesak dan tidak mempunyai akses kepada rawatan perubatan asas. Jangkitan ini mempunyai tempoh inkubasi panjang iaitu selama lebih kurang lima tahun tetapi mungkin mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk tanda dan gejala penyakit menjadi lebih jelas.

Ia boleh menjejaskan kulit, mata, membran mukus, terutama lapisan hidung dan urat saraf periferi. Penyakit kusta boleh diubati dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyediakan rawatan percuma kepada mereka yang terjejas.

Terapi multidrug (MDT) mengubah penyakit ini dan sejak penggunaannya untuk merawat pesakit kusta, bilangan kes kusta di seluruh dunia menurun dengan ketara. Menurut statistik WHO, kes kusta berdaftar di peringkat global pada 2021 sebanyak 133,802 kes.

Terdapat juga 140,594 kes baharu menunjukkan penularan berterusan penyakit kusta ini. India, Brazil dan Indonesia mempunyai beban tertinggi penyakit kusta dengan masing-masing melebihi 10,000 kes baharu. Terdapat 9,052 kes baharu dalam kalangan golongan kanak-kanak dilaporkan, peningkatan sebanyak 4.7 peratus pada 2021 berbanding 2020 (8,642).

Penularan pandemik COVID-19 mengganggu perkhidmatan penyakit kusta di banyak negara dan mungkin juga terdapat kes tidak dapat dikesan, sehingga menyebabkan penularan berterusan.

Sebabkan ketidaksamaan ekonomi

Terdapat stigma dan diskriminasi mengelilingi individu terjejas penyakit kusta dan situasi ini bertambah teruk kerana sesetengah negara masih mempunyai undang-undang membenarkan diskriminasi terhadap penyakit kusta.

Penyakit kusta mempunyai akibat fizikal, psikologi dan sosial menyebabkan ketidaksamaan ekonomi. Ketakutan terhadap penyakit kusta ini menyebabkan tanda-tanda dan gejala penyakit disembunyikan mereka yang terjejas.

Stigma menghalang diagnosis penyakit kusta dalam waktu yang sepatutnya, kerana takut untuk menghadapi realiti mereka menghadapi penyakit ini. Oleh itu, mereka mengelakkan diri untuk mempesahkan diagnosis. Stigma dan diskriminasi boleh menyebabkan kelewatan memulakan rawatan.

Malangnya, impak penyakit kusta bukan sahaja terhad kepada mereka yang terjejas tetapi juga keluarga dan komuniti mereka. Dalam konteks Malaysia, kita menunjukkan prestasi baik dalam usaha memerangi penyakit kusta. Pada 2021, WHO melaporkan terdapat 142 kes baharu dilaporkan di Malaysia dan enam kes baharu membabitkan kanak-kanak.

Walaupun jumlah kes kusta baharu masih rendah, sekiranya usaha bersepadu tidak dilakukan untuk mengesan dan merawat individu ini, jangkitan akan terus merebak oleh mereka yang tidak dirawat. Terdapat tempok 'endemicity' iaitu kes baharu masih dilaporkan dalam kalangan

penduduk tempatan, orang asal dan pekerja asing dilahirkan di luar negara.

Sarawak dan Pahang melaporkan insiden tinggi dalam kalangan orang asal. Pekerja asing mungkin menyumbang kepada insiden lebih tinggi dilaporkan di Sabah dan Selangor.

Ketika ini, Malaysia sedang berusaha ke arah pengesanan kes aktif (ACD) secara bersepadu dalam kalangan populasi disasarkan untuk mencegah penularan penyakit kusta. Pengesanan awal dan kawalan penyakit kusta bergantung kepada ACD dan aktiviti promosi di kawasan endemik.

Apa yang penting, kita mesti terus meningkatkan kesedaran dan pandangan orang ramai mengenai kusta melalui nasihat dan pendidikan kesihatan. Orang menghadapi penyakit kusta perlu digalakkan tampil untuk disaring dan dirawat serta digalakkan mengamalkan penjagaan diri.

Pekerja kesihatan mesti dilatih supaya dapat mengesan, merawat dan mengurus penyakit kusta. Kementerian Kesihatan (KKM) menyiapkan Pelan Strategik Kebangsaan (NSP) untuk kusta (penyakit Hansen) 2021-2030 bertujuan membimbing pemegang taruh untuk menubuhkan aktiviti kawalan kusta dan menyelaraskan strategi kepada NSP untuk mencapai sasaran mereka.

Melangkah ke hadapan, pendidikan dan meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan untuk semua akan membantu menghapuskan kecacatan dan stigma berkaitan penyakit kusta. Ramai hidup dengan penyakit ini mungkin tidak dapat atau tidak diberi peluang bekerja.

Penyakit kusta boleh diubati dan jika dirawat lebih awal, mereka yang terjejas boleh terus bekerja dan menjalani kehidupan aktif semasa dan selepas rawatan. Malaysia bertindak awal untuk meningkatkan usaha bagi memudahkan pembabitkan mereka terjejas akibat kusta, supaya mereka tidak ketinggalan.

Stigma, diskriminasi dan halangan penyertaan mereka bertambah baik tetapi masih lagi ada cabaran perlu diatasi, terutama dalam kalangan masyarakat tertentu seperti orang asal.


Memahami pengalaman hidup mereka dan bagaimana mereka menghadapi beban penyakit ini akan membantu kita memahami kebimbangan dan keperluan mereka.

Mendengar suara mereka akan membantu agensi berkaitan menyesuaikan bantuan dan sokongan bagi mereka untuk menjadi ahli masyarakat yang menyumbang.

Oleh itu, sempena Hari Kusta Sedunia tahun ini, kita mesti cuba membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit ini. Kita boleh berkongsi maklumat dengan keluarga dan rakan-rakan, penyakit kusta tidak begitu menular seperti pernah difikirkan.

Ia boleh diubati dengan antibiotik dan seseorang tidak boleh menjangkiti penyakit kusta melalui hubungan kasual, seperti berjabat dengan mereka atau berjabat tangan.

Seseorang menghadapi penyakit kusta tidak berjangkit selepas beberapa hari memulakan antibiotik, tetapi mereka mesti menyelesaikan rawatan mereka tetapi mungkin mengambil masa sehingga dua tahun untuk memastikan jangkitan tidak berulang. Mereka boleh terus menjalani kehidupan normal.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL



Bilangan kemasukan pesakit akibat Covid-19 meningkat

Kuala Lumpur: Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk meningkat 6.3 peratus pada Minggu Epidemiologi keempat 2023 (ME 4/2023) dari 22 hingga 28 Januari, berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap

100,000 populasi pada ME 4/2023 berbanding ME 3/2023 pula mencatat peningkatan 20 peratus bagi pesakit kategori satu dan dua manakala pesakit kategori tiga hingga lima tiada perubahan.

"Namun, peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 4/2023 berbanding ME 3/2023 bagi katil bukan kritikal menurun satu peratus dan katil Unit Rawatan Rapi

(ICU) juga menurun satu peratus," katanya.

Beliau berkata kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara menunjukkan penurunan, namun bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke hospital meningkat 84.6 peratus.

Selain itu, dari 25 Jan 2020 (ME 4/2020) hingga 28 Jan 2023 (ME 4/2023), kumulatif kes baharu Covid-19 ialah

5,035,871 kes, kumulatif kes sembuh (4,989,819), purata kes aktif (9,478), kumulatif kes kematian (36,940) dan kumulatif kluster sebanyak 7,170 dengan lima kluster aktif.

Dr Noor Hisham memaklumkan bilangan kes sembuh pada ME 4/2023 menurun 35.3 peratus (2,088 kepada 1,350 kes), bilangan kes baharu menurun 8.5 peratus (2,379 kepada 2,177 kes) manakala bilangan kes kema-

tian menurun 66.7 peratus (24 kepada 8 kes).

Sementara itu, nilai kadar kebolehjangkitan (Rt) pada ME 4/2023 ialah 0.82, katanya.

Hasil surveilan Covid-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati 19 sampel Penyakit Seperti Influenza (ILI) dikesan positif Covid-19 manakala tiada sampel Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dikesan positif Covid-19.

Beliau berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam dan luar negara melalui maklumat diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pihak berkuasa negara-negara serantau selain memastikan agar langkah pencegahan dan kawalan sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : GAYA . KESIHATAN

Virus Covid-19 terus 'mengintai' manusia



VAKSIN dahulu tidak dapat memberi perlindungan optimum terhadap jangkitan Covid-19, berikutan varian Omicron boleh mengelak daripada dikesan antibodi.

- GAMBAR HIASAN

1167

Oleh HALINA MD.NOOR
gayautusan@mediamula.com.my

DUA tahun dulu, kita cukup risau apabila bersesak-sesak di tempat awam dan memastikan sentiasa memakai pelitup muka, menjaga jarak sosial dan menggunakan cecair nyah kuman walau ke mana saja.

Namun kini orang ramai seakan sudah tidak kisah lagi dengan semua ini. Ramai yang berhimpit-himpit dalam kenderaan awam seperti LRT, pasar, pasaraya atau tempat awam lain tanpa memakai pelitup muka. Apatah lagi hendak menjaga jarak sosial seperti dulu.

Lebih membimbangkan apabila sempadan negara kini dibuka kepada pelancong asing. Apakah kita perlahan-lahan mula lupa dengan ancaman virus Covid-19 kerana merasakan sudah selamat dan kebal dengan vaksin yang pernah diambil sebelum ini?

Ketua Unit dan Perunding Penyakit Berjangkit, Jabatan Perubatan Universiti Malaya, Dr. Sharifah Faridah Syed Omar berkata, virus Covid-19 sentiasa berkembang dengan pelbagai subvarian baharu yang sentiasa 'mengintai' untuk menjangkiti sesiapa saja. Antara yang terbaharu



ORANG ramai dilihat semakin tidak mengindahkan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti tidak menjaga jarak dan keluar tanpa memakai pelitup muka. - GAMBAR HIASAN

adalah XBB 1.5 yang digelar Kraken.

"Varian Omicron merupakan varian yang membimbangkan sejak November 2021 dan adalah varian dominan sejak 2022. Memandangkan varian Omicron adalah varian utama yang masih menular pada masa ini, sudah banyak

subvarian baharu yang muncul. Ini termasuk BA 1, BA 2, BA 3, BA 4 dan BA 5.

"Kesemua subvarian ini pula mempunyai *sublineage* mereka yang tersendiri seperti XBB.1.5 (daripada subvarian BA 2), BA 5.2 dan BA.7 (daripada subvarian BA.5). Setakat ini, kebanyakan *sublineage* yang baharu,

termasuk BA 5.2 dan BF.7 menyebabkan peningkatan kes-kes Covid-19 akibat jangkitan baharu atau jangkitan berulang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jangkitan baharu atau berulang berlaku disebabkan subvarian berkenaan dapat mengelak sistem imun yang telah dibina melalui



SHARIFAH FARIDAH SYED OMAR



...virus Covid-19 sentiasa berkembang dengan pelbagai subvarian baharu yang sentiasa 'mengintai' untuk menjangkiti sesiapa saja."

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : GAYA . KESIHATAN



JANGKITAN baharu atau berulung berlaku disebabkan subvarian baharu berkenaan dapat mengelak sistem imun yang telah dibina melalui vaksin atau jangkitan Covid-19 terdahulu.

vaksin atau jangkitan Covid-19 terdahulu. Justeru, walaupun kelonggaran diberikan, masyarakat masih perlu mengambil langkah pencegahan jangkitan Covid-19, yang antara lain termasuklah memakai pelitup muka.

Bagi mengurangkan risiko jangkitan, orang ramai wajar mengambil dos tambahan atau dos penggalak terutama dalam kalangan mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

Pengambilan vaksin hanya salah satu daripada langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan penularan jangkitan, kes teruk dan kematian daripada Covid-19.

“Dos vaksin terdahulu tidak dapat memberi perlindungan optimum terhadap jangkitan Covid-19, berikutan varian Omicron mampu mengelak daripada dikesan oleh antibodi yang terhasil daripada vaksin sedia ada.

“Lebih daripada itu, tahap antibodi menurun beberapa bulan selepas pengambilan vaksin dan selepas jangkitan Covid-19 terdahulu. Oleh itu pengambilan dos tambahan dapat meningkatkan tahap antibodi dan perlindungan.

“Sungguhpun keberkesanan vaksin melindungi jangkitan menurun selepas beberapa bulan, ia masih berupaya melindungi daripada jangkitan teruk atau kematian pada tahap yang tinggi,” katanya.

Dr. Sharifah berkata, sekiranya tidak mengambil dos tambahan, penularan kes akan terus berlaku.

Malah kemunculan varian baharu juga lebih mudah terjadi.

“Apabila penularan kes tinggi, individu yang berisiko tinggi juga akan terdedah

INFO:

Varian sebelum ini

- » Varian sebelum ini dikenali sebagai Alpha, Beta, Gamma dan Delta.
- » Kesemua varian terdahulu menyebabkan peningkatan kes Covid-19 mendadak dan kematian.
- » Kesemua varian ini muncul sebelum adanya vaksin Covid-19.

Varian sejak penghujung 2021:

- » Varian Omicron menyebabkan kes jangkitan meningkat sehingga kini.
- » Muncul pada masa perlindungan antibodi daripada vaksin Covid-19 mulai merosot dalam kalangan masyarakat.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK):

- » Ketika varian Delta baru meningkat di Malaysia.
- » Diberikan kepada petugas barisan hadapan pada Mac 2021.
- » Diberikan kepada golongan berisiko tinggi pada Mei 2021.
- » Tahap vaksinasi yang tinggi pada penghujung 2021 atau awal 2022.

kepada jangkitan dan boleh mendapat jangkitan yang lebih teruk, terutamanya jika mereka sendiri belum mendapatkan dos tambahan.

“Ini boleh menyebabkan peningkatan kes yang memerlukan rawatan di hospital dan kematian,” katanya.

Pelancong tingkatkan jangkitan?

KEMASUKAN pelawat dari mana-mana negara adalah satu risiko kepada negara. Ini kerana Covid-19 adalah pandemik yang membabitkan satu dunia. Fenomena peningkatan kes berlaku di mana-mana negara apabila beralih daripada polisi sekatan pergerakan kepada pembukaan pergerakan.

Dr. Sharifah berkata, peningkatan kes secara mendadak di China berikutan mereka bertukar polisi daripada Zero-Covid kepada pembukaan secara menyeluruh selain memiliki jumlah penduduk yang padat.

“Peningkatan kes berlaku dengan sangat cepat juga mungkin kerana pengambilan vaksin selain vaksin mRNA di China. Sebagai langkah berjaga-jaga, negara seharusnya memantau kemasukan mana-mana pelawat dari mana-mana negara. Ujian saringan secara rawak perlu dilakukan dan ke atas mereka yang bergejala,” katanya.

Ujarnya, pergerakan pelawat perlu dipantau, bukan hanya daripada China tetapi dari mana-mana negara.

“Kita perlu beringat yang pemantauan ini bukan hanya untuk Covid-19 tetapi terdapat banyak penyakit berjangkit lain yang perlu juga dikesan. Penularan penyakit akibat

daripada pelawat luar negara boleh menjejaskan sektor ekonomi dan kesihatan negara kita.

“Peningkatan kes yang tidak terkawal, boleh menjejaskan ekonomi sesebuah negara. Selain itu, tenaga kerja juga boleh tergugat kerana ramai yang tidak dapat bertugas apabila jatuh sakit. Peningkatan kes juga boleh menjadi teruk dan memerlukan rawatan di hospital.

“Situasi ini akan membebankan sektor kesihatan kita yang sememangnya sudah dibebani dengan pelbagai kes kesihatan lain seperti sakit jantung, kencing manis, kanser dan sebagainya.

“Perkhidmatan kesihatan memang tercabar dengan peningkatan kes-kes Covid-19 pada awal pandemik dahulu. Kita boleh mengambil banyak pengajaran daripada pengalaman tersebut jika berlakunya peningkatan semula kes Covid-19,” katanya.

Bersiap sedia berdepan peningkatan penyakit berjangkit

Dr. Sharifah berkata, dengan pembukaan sempadan, negara perlu bersiap sedia untuk menerima peningkatan kes daripada penyakit-penyakit lain juga seperti denggi

atau mana-mana penularan penyakit lain, yang belum diketahui.

“Kita perlu sentiasa bersedia dan cuba mencegah kenaikan kes untuk penyakit-penyakit yang kita sudah ketahui. Langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk mengawal kes Covid-19 yang teruk atau serius sudah diketahui. Ini termasuk pengambilan dos vaksin, pengambilan antiviral dan mengamalkan SOP yang bersesuaian.

“Ini akan mengurangkan keperluan untuk mendapat rawatan di hospital dan sekaligus mengurangkan beban ke atas hospital. Namun, kualiti di hospital kita masih sangat baik. Benar perawatan untuk pesakit bukan Covid-19 terjejas untuk satu tempoh masa, tetapi itu adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan semasa di puncak pandemik dan perkara yang sama berlaku di seluruh dunia,” katanya.

Katanya Universiti Malaya menubuhkan UMVOICE (*Universiti Malaya Vaccine Communication Collaborative Effort*) sebagai badan penelaras bagi meningkatkan kesedaran umum untuk mengambil vaksin. Ia juga sebagai platform rujukan masyarakat untuk maklumat yang sahih dan mudah dicapai.



SEMPADAN negara yang kini dibuka kepada pelancong asing, dikhuatiri meningkatkan risiko jangkitan varian baharu.

AKHBAR : THE SUN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

■ BY NURIN ABDULLAH
 newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: About four out of every 100, or some 1.28 million Malaysians, are suffering from schizophrenia, and this does not account for those who have yet to be diagnosed, said psychiatrist Dr Chow Soon Ken.

Chow, who is a resident psychiatrist at Hummingbird Psychological Services, a private mental health clinic, said schizophrenia is a long-standing and recurring psychiatric illness, which affects the perception, thoughts, feelings, behaviour and daily functioning of the affected individual.

"Around four per 100 individuals in Malaysia or some 1.28 million are officially diagnosed with schizophrenia. However, the number is likely to be much higher as many remain undiagnosed. The risk of an individual having schizophrenia increases if a family member has it."

He said the most effective treatment for schizophrenia is a combination of medication known as anti-psychotics and psychosocial therapy.

Psychosocial therapy may help to normalise thought patterns.

Learning to cope with stress and identifying early warning signs

Psychiatrist: 1.28m M'sians suffering from schizophrenia

► Sharp increase in number of patients attributable to stress of coping with life due to impact of Covid-19 pandemic

of relapse can help people with schizophrenia manage their illnesses.

Such intervention consists of psychoeducation, counselling, psychological intervention and functional rehabilitation. These are the key components for recovery from schizophrenia.

He said public perception towards those with schizophrenia has much room for improvement.

"Stigma and bias are still largely present in the community, due to a lack of knowledge and misconceptions towards

schizophrenia and mental health issues overall."

He said the number of patients with schizophrenia increased dramatically since the pandemic due to the stress of coping with life under Covid-19.

"In my experience, the number of patients with schizophrenia has increased since the pandemic. The pandemic represents a major stressor, which affects many domains of our life such as our health, finances and relationships.

"Schizophrenia usually sets in when there is an occurrence of major

stress in life, especially if the illness runs in the family or those with pre-existing mental illness."

He expressed hope that the public would learn to be more understanding towards individuals with schizophrenia and help them in their recovery and minimise any stigma or bias.

A schizophrenia patient, who declined to be named, said having the illness is difficult as not many people understand the symptoms and conditions associated with it.

She was first diagnosed with schizophrenia at the age of 19 and was given multiple medications to suppress the symptoms.

"When the hallucinations and voices appear to overwhelm me, that's when I wonder if this illness has a cure because it is very challenging.

"Having any kind of mental health issue comes with its own set of

discriminations. With schizophrenia, people often think that I'm crazy because I hear voices."

She said movies and the media have made people think that schizophrenia is a "crazy-man's disease" when in actuality it is just like any other disease that requires medication to manage the symptoms.

"For people with schizophrenia, medication is very important and must be taken daily. This is because schizophrenia affects the brain in more ways than one. Therefore, one must take the medication and trust your psychiatrist and therapist."

"Aside from that, those with schizophrenia are encouraged to undergo psychosocial therapy."

She hopes more people will become aware of schizophrenia and how to treat their loved ones without judgement or discrimination.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid-19 patient admissions up 6.3%

KUALA LUMPUR: Admissions of Covid-19 patients to health facilities per 100,000 people increased 6.3% in the fourth epidemiological week 2023 (ME4/2023) from Jan 22 to 28 compared with the week before.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said admissions of patients in categories one and two to public hospitals rose by 20% from ME3/2023, while no changes were reported in categories three, four and five.

"The utilisation rates of non-critical and ICU beds also decreased by 1% in ME4/2023."

He said there was a drop in positive cases seen by Covid-19 Assessment Centres (CAC) nationwide, but the number of cases referred by CAC to hospitals increased by 84.6%.

Malaysia's cumulative Covid-19 infections from Jan 25, 2020 to ME4/2023 stood at 5,035,871, while cumulative recoveries stood at

4,989,819 cases.

He added that the cumulative total for Covid-19 fatalities stood at 36,940 cases and the total number of clusters was 7,170, with five active clusters.

As for ME4/2023, the number of recoveries fell by 35.3% from 2,088 to 1,350 cases, new infections dropped by 8.5% from 2,379 to 2,177 cases, while Covid-19 fatalities declined by 66.7% from 24 cases to eight.

Meanwhile, the surveillance at

sentinel locations nationwide found 19 influenza-like illness Covid-19 positive samples, while no severe acute respiratory infection samples tested positive for Covid-19.

He said the Health Ministry would continue to monitor the development of infections in the country and abroad through information obtained from the World Health Organisation and the authorities of countries in the region. - Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : NATION

RUANGAN : 7

Serdang Hospital did its best, says Health Dept

PETALING JAYA: Responding to allegations of negligence from the next of kin of a patient who died due to delays in admission, the Selangor Health Department says Hospital Serdang's emergency and cardiology department did its best to treat the patient.

Selangor Health Department director Datuk Indera Dr Sha'ari Ngadiman said upon investigation, it found that the 64-year-old patient had been given the necessary treatment at the emergency department and was referred to the cardiology

department for further treatment.

"He was placed at the emergency department but under the surveillance of the cardiology department before being transferred to the cardiology ward following the availability of a bed," he said in a statement yesterday.

He added that treatment, surveillance and screening were conducted at the cardiology department.

"The patient and the family were briefed by the medical officer who was treating the patient," he said.

"The patient was scheduled to

undergo a heart procedure, but his health condition did not permit the procedure to be conducted."

Dr Sha'ari said the patient's condition deteriorated on the same day the procedure was supposed to have been conducted.

"The cardiology team tried its best to resuscitate the patient but he could not be saved," he added.

He said the hospital had done its duty to provide healthcare services to the best of its ability despite the high patient volume.

"The hospital will contact the

family members for a conference in relation to the late patient's case," he added, while extending his condolences to the family.

Dr Sha'ari was responding to a tweet by Samuel Manokaran who said his father had died due to negligence.

"My father passed away my friends last night due to the negligence of Hospital Serdang medical staff," he tweeted on Jan 26.

Samuel said his father, who was being treated for a heart attack, had to wait 17 hours for a bed.

Two-day wait for a bed

Getting admitted to hospital may drive one's patience

By **RAGANANTHINI VETHASALAM**
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: With the emergency department at some government hospitals bursting at their seams, some doctors have said that the wait for beds can stretch to two days or more.

Speaking to *The Star* on condition of anonymity, doctors say the shortage of inpatient beds, overstretched resources and manpower crunch are the cocktail of reasons that have driven up the congestion at hospitals.

At a government hospital in Sabah, an emergency physician said the wait time could go up to two days and stretch to beyond four to five on bad days.

"The main cause is there are insufficient inpatient beds. Therefore, patients have to wait in the emergency department to be admitted," the doctor said.

While the long wait cannot be attributed as the cause of deaths among patients, it does indirectly contribute to further deterioration of the patient's condition.

"Indirectly I would say it is possible. For instance, the lack of intensive care unit (ICU) beds meant that

patients stay longer in the emergency department rather than being transferred to the ICU where they will get better care," he added.

However, the patients are treated while they wait for beds.

The emergency department crowd could get worse during a dengue outbreak, festive seasons, school holidays and long weekends.

Meanwhile, at a hospital in Kuala Lumpur, a doctor said the emergency department was already crowded at the time of writing.

"The waiting time for patients to be seen can go up to three hours but waiting for admission can even be more than a day," he said.

"In government hospitals they deal with multiple problems. This does not only include clinical issues but also poor infrastructure, lack of human resources, social issues and lack of specialists even.

"For a mere RM1, a patient is registered at the emergency department waiting to be seen. If admitted, then the patient is taken to the ward.

"However, there may be pending admissions which require more critical care. Hence, a patient may end up waiting longer at the emergency department as beds are limited and at times patients are man-

aged in different wards," he said.

He added that while specialist care was given once the patient was admitted to the ward, some might require further intervention and sub-specialist review.

"In the process of specialist care, some hospitals don't even have enough medical officers and house officers, hence the discharge process is delayed. Once the patient is planned for discharge, some families refuse to answer calls or take their family member back home. Now it has become a social issue," he added.

He said staff quit when they become overburdened and could no longer manage.

"This cycle repeats itself but statistics often are portrayed differently.

"For example, if a patient is admitted for a surgical procedure and the specific surgical treatment is delayed. What can be done is intravenous drip or medication first. Sometimes there is a treatment delay due to overload," said the doctor.

Patients and their next of kin have also taken to social media to share their experiences on the delays of getting a bed that some have alleged that had claimed lives.

Meanwhile, Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai said the whole emergency department system needed to be looked into and this would involve the planning of human resources, facilities and admission system for each public hospital to address the issue of overcrowding at the emergency departments, manpower issues and unavailability of beds.

"MOH will have the necessary data to address these issues and we believe it is being looked into as the Health Minister (Dr Zaliha Mustafa) has stated her strong commitment to address the issue of overcrowding at public healthcare facilities," he said.

He added that while it was known that the country had been under-spending on healthcare, the government must ensure there are enough beds at hospitals.


On Jan 22, Dr Zaliha said the ministry would seek comprehensive solutions with stakeholders to address the issue of overcrowding at hospital emergency departments.

The Health Minister said this included extending working hours, streamlining bed management systems, and adding more healthcare providers.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

PUBLIC HEALTH SYSTEM CRISIS

MANY DOCTORS, NURSES WANT TO QUIT

They are among the 1,652 respondents of an online survey conducted by CodeBlue portal

ILAH HAFIZ AZIZ
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

UP to 95 per cent of 1,652 healthcare workers, who are government doctors and nurses, feel that the country's public health system is in a crisis and it is driving 73 per cent of them to consider quitting their jobs.

The respondents thinking of resigning from the public health sector were government doctors (across all levels of seniority), pharmacy officers, dental officers, nurses, assistant medical officers and allied healthcare

workers.

Almost more than half of them said they would take part in a strike if there was one organised for professionals or public healthcare workers. Meanwhile, 14 per cent said they disagreed with such a move.

These were some of the results of an online survey conducted by health portal CodeBlue titled "Dissatisfaction Among Health Care Professionals and Workers In Malaysia's Health Services".

Two-thirds of participants were 64 per cent medical officers, 11 per cent house officers, eight per cent medical specialists and pharmacy officers respectively, three per cent medical subspecialists, two per cent assistant medical officers or medical assistants, two per cent dental officers and one per cent nurses.

Most of the respondents, up to 77 per cent, are serving at the Health Ministry's hospitals, 16 per cent at government health clinics and five per cent at uni-



The majority of our healthcare workers feel that the country's public health system is in a crisis. FILE PIC

versity hospitals.

Half of the 1,652 respondents were aged between 30 and 39.

In the survey, only two per cent of overall respondents disagreed that the public healthcare system was in a crisis and another two per cent were unsure of the situation.

The survey also found that 53 per cent of respondents, part of whom are professionals, described that they were "furious" with the current public healthcare system, according to a scale of zero to four.

On issues faced while in service, up to 83 per cent of respon-

dents felt that the government was lackadaisical in resolving matters related to the public healthcare system.

Selangor healthcare workers were the most dissatisfied with the nation's healthcare system at 25 per cent followed by Kuala Lumpur with 15 per cent, Sabah and Penang at nine per cent respectively and Perak at six per cent.

Johor and Negri Sembilan came in at five per cent respectively, Pahang, Kedah, Melaka and Terengganu at three per cent respectively, two per cent in Kelantan and Putrajaya, 0.4 per cent

in Perlis and 0.1 per cent in Labuan.

Some 80 per cent respondents also agreed that they were not paid with commensurate salaries and 78 per cent said they were overloaded with work.

Some 74 per cent of respondents also felt that they were under pressure or burnout at work and 61 per cent viewed their career progression in the public healthcare sector as unsecured.

The survey also found that 25 per cent of respondents admitted that they were bullied at work and two per cent faced sexual harassment at work.